



# Jemaah haji Malaysia perlu kekalkan imej, nama baik

BERITA HAJIAD 23/5/2023 M/S: 2

**Kumpulan** 284 jemaah haji Malaysia menaiki penerbangan pertama (KT1) selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Putera Mohammad Bin Abdulaziz, Madinah kelmarin, sekali gus bakal diikuti baki lagi daripada 31,600 kuota diperuntukkan untuk musim kali ini. Tahun ini kali kedua umat Islam dibolehkan menunaikan ibadat itu selepas dunia dilanda pandemik COVID-19 hingga menyebabkan penutupan sempadan termasuk Arab Saudi hingga hanya warga tempatan dibenarkan berbuat demikian.

Ketibaan kumpulan itu juga menandakan kuota haji sudah penuh, manakala rayuan dibuka sebelum ini ditutup sepenuhnya seperti ditegaskan Pengarah Eksekutif Haji Tabung Haji (TH), Datuk Seri Syed Saleh Syed Abdul Rahman. Kita berharap tidak ada mana-mana individu dalam kalangan umat Islam di negara ini tertipu dengan janji palsu kononnya masih ada ruang untuk mereka menunaikan Rukun Islam kelima itu.

Sememangnya, mengerjakan haji menjadi dambaan setiap orang Islam demi menyempurnakan Rukun Islam itu tetapi pelaksanaannya perlu berdasarkan syarat tertentu termasuk istitio'ah bermaksud kemampuan dari segi kewangan, bekalan, kenderaan dan perjalanan aman. Kuota atau kebenaran haji daripada kerajaan Arab Saudi termasuk dalam kategori kemampuan hingga tidak berdosa sekiranya belum tersenarai sebagai jemaah walaupun mampu dari segi material atau kesihatan.

 Kita juga berharap jemaah haji menjaga nama baik negara dan terus mengekalkan imej 'ahsanun-nas' atau manusia terbaik yang sinonim dengan Malaysia sejak dahulu lagi 

Bagi jemaah haji terpilih pula, gunakan peluang dengan mengerjakan ibadat sebaik mungkin dengan mengikuti peraturan ditetapkan pihak berkuasa tempatan, selain nasihat serta cadangan pihak TH. Apatah lagi cuaca panas ekstrem dengan purata suhu melebihi 40 darjah celsius, jemaah haji perlu mengamalkan langkah pencegahan untuk mengelak kejadian tidak diingini termasuk serangan strok haba.

Kita juga berharap jemaah haji menjaga nama baik negara dan terus mengekalkan imej 'ahsanun-nas' atau manusia terbaik yang sinonim dengan Malaysia sejak dahulu lagi. Tunjukkan akhlak unggul dan budi pekerti Timur hingga menjadikan jemaah haji Malaysia sangat dihormati dalam kalangan 2 juta umat Islam mengerjakan ibadat berkenaan pada tahun ini.

Kepada petugas haji TH termasuk pengamal media, kita memohon mereka untuk terus menyantuni jemaah dengan cara terbaik, sekali gus berusaha melaksanakan tanggungjawab untuk memudahkan 'haji dan hajjah' menunaikan ibadat itu. Kita yakin sekiranya mereka melakukannya dengan ikhlas, mereka juga bakal meraih pahala besar walaupun mungkin mengurangkan sedikit masa sendiri untuk beribadat.

Selamat menunaikan haji.